



جاپتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله و راته

Soalan :

Assalamualaikum..

TUAN/PUAN,

Berhubung perkara di atas, saya ingin membuat aduan tentang pembahagian Pusaka dan faraid yang tidak adil.

Ayah saya merupakan anak yatim piatu dan sebatang kara. Ibu kandung kepada ayah saya telah meninggal dunia bersama anaknya ketika sedang melahirkan. Pada ketika itu, ayah saya berusia 2 tahun dan masih menyusu dengan si mati.. Tidak lama kemudian, Bapa kepada ayah saya telah bernikah kali ke 2.

Mereka telah menetap di Pahang dan mempunyai 7 orang anak. termasuk ayah saya. Namun demikian , ayah saya dijaga oleh Nenek dan Atuk beliau.

Pada tahun 2000, Amat telah meninggal dunia kerana serangan jantung. Beberapa tahun kemudian, pihak keluarga ibu tiri ayah saya langsung tidak memberi atau membahagi harta arwah si mati mengikut faraid. Kesemua harta peninggalan si mati dimiliki sepenuhnya oleh isteri beliau bernama Siti. Siti dan anak2nya telah membahagi harta si mati sesama sendiri sahaja tanpa ayah saya. Si mati merupakan seorang peneroka dan mempunyai banyak tanah, rumah pusaka, serta hasil kutipan sawit setiap bulan. Pada setiap tahun juga dia mendapat bonus dari pihak Felda@kerajaan. Namun demikian, ayah saya langsung tidak mendapat sebarang bahagian tersebut selama puluhan tahun.

Adik beradik serta ayah saya telah membuat persetujuan bahawa 100% hasil atau harta si mati diberi sepenuhnya kepada Ibu mereka yang bernama Siti. Mereka membuat persepakatan di Pejabat Harta dan Pusaka Terengganu. Ibu saya tidak bersetuju tentang perkara itu, kerana kami sekeluarga sangat miskin dahulu. Kami tidak mempunyai wang atau makanan yang cukup untuk meneruskan kehidupan. Ibu saya terpaksa menggunakan kayu api jika gas memasak telah habis.. Ibu dan ayah saya juga terpaksa berhutang sekeliling pinggang untuk membeli makanan kami .Namun demikian ,saudara mara kami langsung tidak membantu kami walaupun semuanya hidup bersenang lenang dengan harta peninggalan si mati.

Ibu saya ada bersuara tentang ketidakadilan ini dan hak ayah saya, tetapi dimarahi oleh adik beradik tiri ayah saya. .Mereka berkata semuanya telah disepakati mereka adik beradik. Kesemua harta dan hasil bulanan adalah milik ibu mereka seorang. Ayah saya hanya terpaksa menurut kata sahaja , memandangkan dia cuma sebatang kara dan menumpang kasih kepada ibu tiri.

Ibu tiri ayah saya banyak kali pergi ke Umrah dan telah menanggung sepenuhnya perbelanjaan anak2 nya yang lain untuk ke Umrah. Rumah baru juga dibina di atas tanah milik si Mati. Kesemuanya dibeli secara tunai. Sekarang ini, rumah tersebut milik adik bongsu ayah saya , Siti juga mempunyai banyak emas yang bernilai puluhan ribu ringgit hasil duit Peneroka si mati.

Sedangkan ketika dahulu, ayah saya serta anak isteri sering kelaparan kerana kami tiada duit untuk membeli makanan. Kadang2, saya dan kakak saya terpaksa mencabut ubi kayu di belakang rumah pada musim hujan kerana kami telah kehabisan beras .Hal ini sangat menyedihkan dan tidak adil sama sekali..Setelah saya besar, baru saya faham tentang perkara yang berlaku. Saya ingin menegakkan kebenaran dan mempertahankan hak ibu bapa saya.

Pada tahun 2020, Siti telah meninggal dunia kerana sakit uzur. Barang kemas beliau yang bernilai puluhan ribu langsung tidak dibahagi kepada ayah saya. Mereka beralasan itu adalah milik ibu mereka dan ayah saya cuma anak tiri. Rumah pusaka peninggalan Amat juga telah diberi kepada Harun, iatu anak kandung Siti bersama suami terdahulu.

Bermula tahun 2021, adik bongsu ayah saya bernama Fakkriah telah memberi duit hasil sawit kepada ayah saya. Kadang2 rm 180, kadang2 hanya rm 121 dan kebanyakannya hanya seratus lebih. Dia memaklumkan bahawa nilai tersebut setelah hasil dibahagi 7. Dia langsung tidak menunjukkan resit atau bukti berapa hasil jualan sawit/ hasil ladang lain per bulanan. Ayah saya hanya menerima duit tersebut dengan rasa bersyukur kerana setelah lebih 20 tahun ayahnya meninggal itu pertama kali dia merasai duit pusaka.

Namun demikian , pada awal bulan Februari 2022, adik ipar ayah saya yang bernama Jue telah memaklumkan kepada kami, sebenarnya nilai bualan yang ayah saya dapat itu teramatlah sedikit jika dibandingkan jumlah dengan suami beliau dapat. Pada tahun lepas, bulan Oktober 2021, Fakkriah langsung tidak meminta izin atau memaklumkan apa2 kepada bapa saya . Dia telah menggunakan duit bapa saya untuk membuat tahlil serta doa selamat untuk kedua arwah orang tua mereka.

Jue memberitahu bahawa langsung tiada sebarang tahlil dibuat dan bapa saya telah ditipu. Pada bulan tersebut, mereka mendapat kutipan yang paling tinggi anggaran Rm 1200 seorang. Ayah saya sudahla tidak mendapat sesen pun, malahan ditipu pula oleh adik beradik sendiri. Jue memberitahu, duit hasil bualan paling sedikit mereka dapat adalah sebanyak rm 300. Tetapi ayah saya sebaliknya .Jumlah tertinggi ayah saya terima adalah sebanyak Rm 300 sahaja.

Saya ingin mebuat permohonan pembahagian pusaka dan faraid di laman Web. Setelah mendaftarkan kad pengenalan si Mati Amat, namun saya sangat terkejut setelah melihat permohonan telah wujud pada tahun 2005 oleh Ariffin, anak Sulung kepada Siti.

Ayah saya sering dipinggirkan oleh keluarga tiri beliau. Segala harta pusaka dan bahagian ayah saya langsung tidak dibahagi secara adil. Di manakah keadilan serta hak ayah saya ? Saya sangat sedih dan terkilan di atas nasib ayah serta keluarga ibu saya. Ayah saya langsung tiada hak walaupun dia adalah anak Sulung dari isteri pertama si mati.

Diharap agar pihak tuan dapat membantu memberi nasihat atau sebarang pandangan di atas perkara ini kepada saya. Ribuan terima kasih saya ucapkan di atas kerjasama dari pihak tuan. Sekian terima kasih. Assalamualaikum.

Jawapan :

و عليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad S.A.W beserta keluarga dan sahabatnya, dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad S.A.W sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudari, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Di sini kami kongsi satu ayat al-Quran dalam surah an-Nisa' ayat 11 yang sangat berkait dengan permasalahan yang dihadapi oleh puan. Firman Allah S.W.T :

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ
وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِن لَّمْ
يَكُن لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَتُهُ آبَاؤُهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ وَإِن لَّمْ
أَوْ دَيْنٌ وَأَبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
حَكِيمًا

Bermaksud : Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu **bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.** Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang

dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Berdasarkan ayat ini, ayah puan layak untuk memperolehi bahagian daripada harta pusaka peninggalan datuk puan.

Cuma kami berpandangan, puan perlu membawa permasalahan ini ke Mahkamah Syariah membuat aduan secara rasmi bertujuan untuk memperkukuhkan hak ayah puan di samping membawa dokumen-dokumen yang penting berkenaan adanya talian hubungan kekeluargaan ayah puan dengan arwah datuk puan. Kemudian langkah yang ke dua, puan bawa aduan ini ke ibu pejabat Felda untuk memastikan dan mendapatkan hak ayah puan.

Rujukan:

1. Terjemahan al-Quran.
2. <https://felda.gov.my/peneroka/sumbangan-sosioekonomi/pewarisan>
3. <https://www.jkptg.gov.my/index.php/my/permohonan-pusaka>
4. https://www.jkptg.gov.my/my/?option=com_content&view=article&id=1084&Itemid=249